

Penjajaran semula sesuai dengan visi Ekonomi MADANI

Anjakan baharu antara bukti usaha serius kerajaan noktah kemiskinan tegar

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang diluluskan di Parlimen pada 21 Oktober 2021 dengan peruntukan RM400 bilion bagi membiayai projek pembangunan negara untuk tempoh lima tahun dari 2021 hingga 2025 akan diujicajakan semula dengan visi Ekonomi MADANI.

Ia bertujuan merancang ekonomi untuk tempoh 10 tahun serta memacu pembangunan negara dan memperkasa kualiti hidup rakyat.

Antara anjakan baharu di bawah Kajian Separuh Penggal RMK12 (KSP RMK12) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam adalah membasmi kemiskinan tegar dengan peruntukan RM1.5 bilion untuk program meningkatkan pendapatan.

Menstruktur semula ekonomi negara kepada bidang seperti industri peralihan tenaga, industri digital, elektrik dan elektronik (E&E) bernilai tinggi, keterjaminan makanan, dan industri nadir bumi.

RMK12 juga akan terus menerajui ekonomi Islam dengan tumpuan kepada halal dan toy-yiban serta inovasi kewangan Islam selaras dengan prinsip Maqasid Syariah dan keadilan.

Anwar Ibrahim yang membentangkan KSP RMK12 bertemakan 'Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi' di Dewan Rakyat semalam, berkata kerajaan akan membelanjakan sekurang-kurangnya RM90 bilion setahun bagi 2023 hingga 2025.

Untuk tujuan itu, kerajaan akan menambah siling RM15 bilion lagi kepada peruntukan RM400 bilion di bawah RMK12, menjadikan jumlah keseluruhannya RM415 bilion.

"Anjakan baharu bermula dengan menoktahkan kemiskinan tegar, menyelesaikan masalah asas prasarana dan keperluan asas rakyat, termasuk memperbaiki sekolah dan klinik daif, menjamin bekalan air bersih, serta meneraju ekonomi Islam.

"Dalam bidang menoktahkan kemiskinan tegar, Insya-Allah kita yakin menempa kejayaan sebelum akhir tahun ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Perpaduan kini sedang mempersiapkan negara bagi menempuhi fasa kedua KSP RMK12 dengan tiga tumpuan utama, iaitu memperkukuh kemampuan, membangunkan masyarakat sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi.

Sehubungan itu, 17 anjakan utama dan 71 inisiatif utama diperkenalkan bagi memastikan ia mencapai sasaran ditetapkan.

"KSP RMK12 ini akan memperkukuh agenda pembangunan negara dan rakyat ke arah mencapai matlamat Ekonomi MADANI.

"Ia akan dicerakinkan melalui 12 penegasan yang menjadi inti pati kepada KSP RMK12 dan

distrukturkan mengikut tiga tumpuan utama," katanya.

Lonjak ekonomi 5 peratus

Di bawah tumpuan pertama iaitu menuju negara berpendapatan tinggi, kerajaan menyasarkan lonjakan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya lima peratus setahun sepanjang tempoh RMK12 dengan tumpuan kepada dua perkara pokok.

Pertama, memperkukuh produktiviti dengan menyegerakan peralihan kepada industri bernilai tinggi dan menerima guna teknologi termaju serta meningkatkan bakat berkemahiran.

Kedua, kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia destinasi pilihan utama pelabur dengan memperkukuh daya saing.

Anwar berkata, kerajaan juga akan mempercepat reformasi struktur ekonomi menerusi pemantapan sektor serta industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi meliputi industri berasaskan peralihan tenaga, industri berasaskan teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi, industri pertanian dan asas tani serta

Fokus utama KSP RMK12

1	2	3
 <p>Memperkukuh kemampuan</p> <p>Memastikan pembangunan mampan melalui pengukuhan kedudukan fiskal, peningkatan daya saing bakat dan usaha menerima prinsip ESG</p> <p>(Menaikkan siling)</p>	 <p>Membangunkan masyarakat sejahtera</p> <p>Membangunkan masyarakat MADANI yang seimbang dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan</p> <p>(Menaikkan Lantai)</p>	 <p>Mencapai negara berpendapatan tinggi</p> <p>Mempertingkatkan daya tahan ekonomi melalui pemerkasaan PMKS dan pembangunan industri high growth high value (HGHV)</p> <p>(Menaikkan Siling)</p>

industri nadir bumi.

Kerajaan juga komited mengukuhkan kemandirian dan keterjaminan makanan dan meningkatkan daya saing sektor agrikomoditi melalui automasi serta pendigitalan.

Perdana Menteri berkata, industri nadir bumi akan muncul sebagai sumber pertumbuhan baharu berasaskan unsur nadir bumi bukan radioaktif yang mampan dan mesra alam.

Justeru, Dasar Mineral Negara baharu akan dirangka bagi memacu pembangunan industri mineral yang menyeluruh berasaskan prinsip kemampuan dan keberterangjawab.

Anwar menambah, kerajaan juga menyasarkan Malaysia menjadi peneraju dalam pasa-

ran halal antarabangsa dengan nilai eksport halal RM63.1 bilion pada tahun 2025.

Sektor perbankan, takaful dan pasaran modal Islam akan terus diperkasa untuk mendepani cabaran baharu ini bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global.

Di bawah tumpuan kedua iaitu membangun masyarakat sejahtera, Anwar berkata, keutamaan kerajaan adalah menyediakan jaringan sosial yang ampuh buat golongan yang kurang bernasib baik, selain memperkukuhkan penyediaan perlindungan sosial melalui Reformasi Perlindungan Sosial.

"Sementara itu, bantuan tunai dan program Rahmah akan diteruskan dan ditambah baik bagi memastikan jaringan keselamatan sosial terus ditingkatkan," katanya.

Perdana Menteri juga memberi jaminan syarikat Bumiputera terus berpeluang untuk menerima manfaat sokongan pembiayaan daripada 16 agensi, antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Bagi menambah baik mutu kesihatan rakyat, sebanyak 1,200 klinik daif di seluruh negara akan dinaik taraf untuk tempoh 2023 hingga 2025, manakala agenda perumahan negara akan ditambah baik melalui peralihan daripada konsep pemilikan kepada konsep tempat tinggal.

Di bawah tumpuan ketiga, Anwar berkata kerajaan komited untuk memperkukuh kemampuan dan tatakeola negara bagi mengembalikan keyakinan, justeru pembaharuan fiskal diperlukan bagi memastikan pengurusan kewangan negara lebih berkesan dan mampan.

Penjajaran Ekonomi MADANI

Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat

Menaikkan Siling Peneraju Ekonomi Asia	Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (rakyat, kerajaan & industri)	Menaikkan Lantai Peningkatan Darjat Hidup Rakyat
<ul style="list-style-type: none"> Destinasi pelaburan berdaya saing & bertaraf global Industri berteraskan digital & inovasi Peneraju ekonomi Islam global Jaguh PMKS serantau Keterjaminan & kemampuan ekonomi 	<ul style="list-style-type: none"> Dengan semangat perpaduan Tatakelola yang baik (mambanteras rasuah) Sistem penyampaian awam yang tangkas & kolaboratif 	<ul style="list-style-type: none"> Pekerjaan bermakna & berpendapatan tinggi Keterangkuman & kesaksamaan peluang Akses sejagat pendidikan & kesihatan Kemudahan asas bertaraf dunia Perlindungan sosial untuk semua
Kemampuan dan Negara Berpendapatan Tinggi	Penyampaian Perkhidmatan Awam	Masyarakat Sejahtera

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas